

P. RAMLEE SEBAGAI IKON DALAM PENDIDIKAN MANDIRI (SELF EDUCATION), BERHIJRAHDARI PULAU MUTIARA PULAU PINANG KE PULAU TEMASIK SINGAPURA UNTUK MENIMBA ILMU SENI PERFILEMAN HINGGA TERSOHOR SEBAGAI SENIMAN NEGARA

Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Mohd Yusuff Latiff,
Presiden Kelab Peminat P. Ramlee Pulau Pinang

Sinopsis

P. Ramlee dilahirkan pada tahun 1929 dan meninggal dunia di Hospital Besar KL kerana sakit jantung pada 1973 pada umur 44 tahun. Sepanjang hayat 44 tahun itu bolehlah dibahagi kepada tiga fasa atau tiga tempat yang berlainan, fasa pertama di Pulau Pinang selama 19 tahun (1929 – 1948), fasa kedua selama 16 tahun di Singapura (1948 – 1964) dan fasa ketiga di Kuala Lumpur selama 9 tahun (1964 – 1973).

Fasa pertama di Pulau Pinang sejak dilahirkan hingga membesar sampai umur 19 tahun apabila beliau berhijrah ke Singapura. Fasa ini disebut sebagai fasa pembentukan diri (formative years) di mana sejak kechil hingga muda remaja beliau membentuk pandangan hidup, minda dan membina jatidiri dengan belajar secara informal daripada ibu bapa dan masyarakat sekampung dan juga mengikuti Pendidikan Formal di sekolah rendah dan menengah. Di Pulau Pinang juga beliau belajar asas-asas muzik daripada beberapa orang guru muzik.

Fasa kedua bermula apabila P. Ramlee berhijrah ke Singapura pada 1948 dan mula bekerja di Studio Filem Shaw Brothers di Jalan Ampas. Bermula sebagai pekerja bawahan studio beliau melakukan pelbagai tugas berkaitan perfileman. Selama 5 tahun (1949 – 1954) P. Ramlee berpeluang belajar secara mandiri seni berlakon, seni arahan filem, dan segala kemahiran dalam membikin sebuah filem. Beliau juga menggubah lagu filem dan untuk studio rakaman selain menjadi menjadi penyanyi latarbelakang filem (playback singer).

P. Ramlee bermula dalam bidang perfileman dalam filem Chinta. Selepas berlakon filem pertama itu beliau telah diberi peluang oleh beberapa orang pengarah filem terkenal dari India seperti BS Rajhans, L. Krishnan, S. Ramanathan, KM Basker, BN Rao dan Phani Majumdar, untuk berlakon pelbagai watak dalam 25 filem. Semua pengarah filem tersebut merupakan guru yang mendidik P. Ramlee dalam semua aspek mengarah filem dan lakonan sementara 25 filem yang dia turut berlakon merupakan sesi praktikal yang memberi beliau kemahiran dalam bidang lakonan.

Pada Oktober 1955 P. Ramlee diberi peluang oleh Shaw Brothers untuk mengarah dan berlakon sebagai hero dalam filem Penarik Beca. Beliau juga mencipta dan menyanyi lagu "Ibu". Kejayaan filem pertama ini yang pada ketika itu beliau hanya berumur 27 tahun telah melonjak status P. Ramlee dari seorang pekerja biasa Shaw Brothers yang lazimnya bermula dengan gaji RM 70 sebulan kepada satu kedudukan yang tinggi dan berprestij sebagai pelakon utama yang mendapat gaji RM 400 sebulan dan gaji pengarah filem sebanyak RM 600 (jumlah RM 1000) selain bonus RM 20,000 setelah filem tersebut dapat disiapkan dalam tempoh dua bulan.

Kejayaan filem pertama Penarik Beca meningkatkan kepercayaan Shaw Brothers untuk memberi beliau peluang kedua mengarah dan berlakon filem Semerah Padi (Julai 1956), filem ketiga Anakku Sazali (Oktober 1956) yang telah mengangkat nama beliau sebagai pengarah hebat dan pelakon terbaik dengan memenangi Best Male Lead Actor di Asian Film Festival Tokyo 1957. Selama 9 tahun sebagai pengarah filem beliau telah mengarah dan berlakon 16 filem di MFP Jalan Ampas (1955 – 1964). Filem terakhir di Studio Shaw MFP ialah Tiga Abdul (April 1964) pada umur 35 tahun. Ini bermakna period P. Ramlee paling produktif dalam dunia perfileman bermula pada umur 29 tahun hingga 35 tahun.

Fasa ketiga kehidupan P. Ramlee apabila beliau berhijrah ke Merdeka Studio Kuala Lumpur pada tahun 1964 hingga beliau meninggal dunia pada 1973 pada umur 44 tahun. Beliau mengarah filem pertama Sitara Harimau Jadian (Nov 1964). Seterusnya beliau mengarah dan berlakon dalam 18 filem dan filem terakhir beliau ialah Laksamana Do Re Mi (1972).

Selain bidang perfileman dan lakonan P. Ramlee juga banyak memberi sumbangan dalam bidang seni muzik dan nyanyian dengan menggubah lebih 250 lagu. Lagu pertama yang digubah dan dinyanyikan beliau ialah Azizah (1948) dan lagu terakhir Air Mata di Kuala Lumpur (1973). Lagu-lagu gubahan dan nyanyian P. Ramlee mempunyai melodi yang sedap dan lirik yang puitis yang amat sesuai dengan jiwa orang Melayu Nusantara, maka itu tidak hairanlah majoriti lagu-lagu tersebut tergolong dalam kategori Malar Segar (evergreen songs) yang popular sepanjang masa.

Dianggarkan 60 filem dan 250 lagu P. Ramlee menjadi khazanah seni budaya Melayu yang tidak ternilai. Karya seni filem dan lagu beliau menjadi popular ketika menyambut Hari Raya (Selamat Hari Raya, Beduk Berbunyi, Dendang Perantau), ketika menyambut Merdeka (Joget Malaysia, Keroncong Kuala Lumpur, Zapin Malaysia, Jasa Perwira), Majlis Perkahwinan (Selamat Pengantin Baru, Pengantin Selamat Bersanding, Direnjis-Renjis, Kalau Jodoh Tak Ke Mana, Itulah Sayang). P. Ramlee juga meneroka lagu-lagu nasyid kerohanian Islam seperti Rukun Islam, Tolong Kami Anak Yatim, Ya Habibi Ali

Baba, Manusia Miskin Kaya, Dunia Hanya Pinjaman, Alam Indah Waktu Pagi, Kasih Ibu, Resam Dunia.

P.Ramlee bukan saja popular di Tanah Melayu malah populariti beliau merentas sempadan hingga ke Indonesia, Brunai, Sabah dan Sarawak dan Thailand. Beliau juga popular di kalangan bangsa Bukan Melayu kerana filem-filem dan lagu-lagu beliau bersifat sejagat (universal) dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang mulia.

Makna Pendidikan Formal

Kamus Dewan memberi makna Didik sebagai 1. Pelihara, jaga 2. Melatih. Pendidikan (kata akar didik atau ajar, pelajaran) perihal mendidik yang merangkumi pemindahan ilmu, kemahiran dan pengalaman melalui proses [pengajaran](#) dan pembelajaran (P&P).

Salah satu matlamat pendidikan adalah untuk mengekal dan memindahkan khazanah bahasa, budaya, agama dan naratif sejarah bangsa melangkaui generasi (dari satu generasi ke generasi yang selanjutnya).

Pendidikan memberi kesan formatif atau membentuk cara seseorang insan [berfikir](#), merasakan, atau bertindak. Pendidikan juga membentuk kemahiran (skill based) seperti kemahiran bertukang, membuat senjata, memasak, kemahiran bermain instrument muzik.

Dalam sebuah negara yang maju pendidikan atau pelajaran lazimnya berlaku di tadika, sekolah, kolej dan universiti bawah bimbingan pendidik atau pengajar yang terlatih atau bertauliah. Pendidikan nasional berlaku dalam persekitaran formal (structured and systematic) mengikuti kurikulum yang digubal oleh Kerajaan. Cara menyampaikan pelajaran atau metodologi pengajaran dipanggil [pedagogi](#).

Pendidikan Mandiri

Pendidikan juga berlaku di luar sistem formal. Pelajar juga dapat mendidik diri sendiri secara tidak formal (non-formal) atau informal (bebas dan terbuka). Ibu bapa yang kaya boleh mendidik anak mereka di rumah (home schooling) dengan mengupah pengajar swasta. Lazimnya pendidikan cara non-formal dan informal ini berlaku dalam masyarakat yang masih belum maju, yang belum ada sekolah atau guru seperti di kawasan pedalaman. Di negara Afrika terdapat guru-guru datang ke kampung dan mengajar bawah pokok.

Generasi Malaysia sekarang amat bertuah kerana Kerajaan sudah membina banyak universiti yang menyediakan fakulti pengajian dalam bidang seni dan budaya di UITM dan UPSI. Selain itu wujud IPT khas ASWARA (Akademi Seni Warisan) yang mana pengajian focus kepada memupuk bakat seni lakonan dan persembahan. Selain itu Kerajaan juga menghantar pensyarah untuk mendapat Pendidikan seni di universiti tersohor dunia seperti London University, California University (Hollywood) dan Kolej Muzik Berkley.

Namun kemudahan pelajaran ini tidak wujud Ketika P.Ramlee lahir dan membesar. Sebelum merdeka Malaya tergulung sebagai sebuah negeri mundur di mana fasiliti atau infrastruktur Pendidikan masih mundur. Pada masa itu belum ada university, hanya maktab perguruan SITC di Tg Malim dan MWTC di Melaka. Oleh yang demikian Pendidikan berlangsung secara informal dan nonformal di mana pelajar mendapat ilmu atau kemahiran secara mandiri (selfeducation) termasuk P.Ramlee dan ramai lagi anak-anak Melayu yang majoriti Ketika itu golongan miskin dan ramai yang masih buta huruf.

Fasa-Fasa Dalam Kehidupan P.Ramlee

P.Ramlee lahir pada hari Rabu 22 Mac 1929 atau 1 Syawal 1347, pada pagi hari Raya Aidilfitri di 40A Jalan Counterhall George Town Pulau Pinang. Rumah ini sekarang dijadikan Memorial P.Ramlee oleh Arkib Negara. Bapa beliau Teuku Nyak Puteh bin Teuku Karim (1902 – 1955) orang Indonesia dari Lhokseumawe Aceh dan ibu Che Mah Hussein (1904 - 1967) orang Melayu dari Kubang Buaya Seberang Perai Pulau Pinang.

Teuku Nyak Puteh belajar agama daripada beberapa ulamak besar di Aceh. Selain itu beliau terlibat dalam kumpulan nyanyian dan tarian budaya Aceh, pandai bermain alat muzik Pouloet. Beliau menjadi ketua kumpulan budaya Rapai Pulot yang mengandungi 15 orang penari dan 5 orang pemuzik. Kumpulan beliau selalu mendapat juara setiap tahun, namun satu tahun kumpulan beliau tewas. Sebagai ketua beliau merasa malu dan mengundurkan diri dan berhasrat untuk merantau ke Malaya. Beliau menyertai kapal dagang dan pada 1923 belayar ke Pulau Pinang.

Pada tahun 1925 beliau bertemu jodoh dan berkahwin dengan Che Mah Hussein seorang janda beranak satu. Setelah 4 tahun kahwin barulah dapat zuriat yang diberi nama Teuku Zakaria. Oleh kerana susah menyebut nama tersebut, ibu beliau memberi nama Ramlee. Seperti budak-budak pada masa itu, sejak lahir P.Ramlee belajar bahasa dan adat Melayu dan pelajaran agama dari ibu bapa beliau sendiri.

Rumah Ramlee berada dalam Kampong Jawa satu kawasan Melayu namun masyarakat George Town (Tanjong) khasnya dan Pulau Pinang amnya adalah

masyarakat berbilang kaum, bahasa, budaya dan agama, dan masyarakat sekeliling yang majmuk telah membentuk pandangan hidup (saikologi dan psikologi), cara berfikir atau minda beliau.

Pulau Pinang sebagai British Straits Settlement (selain Singapore dan Melaka) mempunyai sistem pelajaran formal yang moden dan lengkap. Apabila beliau sudah 5 tahun beliau masuk belajar di Sekolah Melayu Kampong Jawa (1934 – 1938) dan kemudian menyambung pelajaran di sekolah Inggeris Sekolah Rendah Inggeris Francis Light (1939 – 1941). Apabila pecah Perang Dunia Kedua beliau masuk belajar di Sekolah Tentera Laut Jepun Kaigun Gakko (1942 – 1945). Selepas perang tamat beliau menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Inggeris Penang Free School (1945 – 47).



Perjalanan dalam bidang seni

Ramlee tidak berminat sangat pelajaran formal atau akademik, beliau sejak kecil minat dalam bidang seni, mungkin kerana darah seni yang diwarisi dari bapa beliau Nyak Puteh yang pandai menyanyi, menari dan bermain alat muzik. Beliau belajar kemahiran seni secara sendiri, belajar bermain piano dan membaca note muzik daripada cikgu muzik sekolah bernama cikgu Kamarudin ayah kepada Normah yang menjadi kawan baik beliau. Seorang jiran beliau yang pandai bermain clarinet ialah Nawab Bhai ayah Ahmad Nawab yang bermain muzik dengan Band Bandaran.

Beliau juga belajar menyanyi dan bermain instrument muzik dengan menyertai beberapa buah orkes atau pancaragam seperti Orkes Mutiara, Pancaragam Rangkaian Melati, Sinaran Bintang Sore, Indonesia Keroncong Party, Coronation Amateur Party, Teruna Sekampung, Pancaragam Mustika.

Ramlee menyertai Peraduan Menyanyi Radio Malaya Pulau Pinang 1945 (tempat ketiga), 1946 (tempat kedua), tempat pertama Kumpulan Keroncong

Party Pemuda Indonesia, akhirnya pada 1947 beliau mendapat tempat pertama Johan Bintang Radio Malaya Pulau Pinang dan mula guna nama P.Ramlee.

Masuk menyertai peraduan menyanyi selama tiga tahun berturut-turut hingga menang Johan menunjukkan beliau seorang yang amat komited dan bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita atau matlamat. Ini adalah satu kualiti atau sifat yang perlu ada pada seorang yang ingin berjaya dalam pendidikan mandiri.

Ketika bersama pancaragam Mustika, bakat seni beliau dikesan oleh pengarah filem Malay Film Production (MFP) Singapura BS Rajhans di Pertunjukkan Pentas di Malay Agriculture Show (MAHA) Bukit Metajam Seberang Perai pada Jun 1948. Tertarik dengan bakat seni P.Ramlee beliau diberi tawaran uji bakat di Malay Film Studio Jalan Ampas Singapura.

Berbekal dengan tawaran bekerja dalam bidang lakonan dan perfileman yang beliau amat minati, P.Ramlee telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke Singapura bersama seorang kawan sekampung Sukardi, bertolak dengan kereta api KTM pada pagi Raya Aidilfitri 8 Ogos 1948. Sepanjang perjalanan itu beliau melihat orang-orang Melayu menyambut Hari Raya dengan penuh meriah sekali, walaupun ketika itu Dharurat (Emergency) telah diisytiharkan oleh Kerajaan Kolonial British.

P.Ramlee Belajar Ilmu Perfileman dan Lakonan di Singapura

P.Ramlee lulus ujian bakat (audition) di Studio Jalan Ampas tetapi kawan beliau Sukardi gagal dan kembali ke Pulau Pinang. Tatkala Sukardi hendak berangkat balik ke Pulau Pinang Ramlee telah berpesan agar kawan beliau itu memantau keadaan ibu bapa beliau setiap dua hari sekali.

Ramlee meneroka bidang perfileman dengan diberi watak pelakon tambahan dalam filem Chinta. Selepas filem pertama itu bintang lakonan P.Ramlee mula bersinar dan digilap apabila beliau telah diberi berlakon pelbagai watak dalam 25 filem oleh beberapa orang pengarah filem terkenal dari India antara tahun 1949 hingga 1954. Di antara pengarah filem tersebut ialah BS Rajhans, L. Krishnan, S. Ramanathan, KM Basker, BN Rao dan Phani Majumdar. (rujuk Lampiran 1)

Selama 5 tahun (1949 – 1954) berada dalam gelanggang perfileman di Studio Shaw Brothers Jalan Ampas Ramlee berpeluang belajar secara mandiri seni berlakon, seni arahan filem, dan segala kemahiran dalam membikin sebuah filem. Boleh dikatakan selama lima tahun itu P.Ramlee masuk sebuah universiti perfileman Jalan Ampas dan belajar secara informal dengan penuh

minat dan bersungguh-sungguh ilmu teori dan praktikal teknik seni pengarahan daripada pengarah-pengarah filem India dan juga belajar seni berlakon daripada pelakon-pelakon senior yang lebih berpengalaman. Oleh kerana hampir kesemua pelakon dan pekerja filem diberi kemudahan perumahan oleh Shaw Brothers maka perkampungan mereka sekitar Jalan Ampas Studio merupakan universiti terbuka di mana mereka dapat berkumpul dan bincang untuk menjana idea-idea bagi meningkatkan lagi kerjaya dan kehidupan mereka bersama.

Untuk seseorang itu berjaya dalam Pendidikan Mandiri beliau perlu mempunyai bakat, minat dan kesungguhan dan tiga watak ini ada dalam diri P.Ramlee. Mengikut Daeng Harris pelakon senior dan bapa mertua beliau, P.Ramlee anak muda yang suka belajar, suka bertanya, suka mengambil tahu semua perkara mengenai filem. Dia suka berkawan dengan pelakon dan krew studio filem untuk mendapat maklumat mengenai aspek-aspek ilmu perfileman dan lakonan.

Sebagai contoh P.Ramlee amat baik dengan penggubah lagu Zubir Said, Yusof B, Ahmad Jaafar dan Osman Ahmad yang merupakan pemuzik senior di Jalan Ampas. Dari Ahmad B dia berguru dalam pelbagai aspek muzik, menggubah lagu, menulis nota muzik latar filem, merakam dan mengedit muzik dan sebagainya. Dia juga berkawan baik dengan penulis skrip filem dan skrip lagu seperti S. Sudarmaji, HM Rohaizad, Jamil Sulong, Yusnor EF dan Kassim Masdor.

Setelah mengumpul banyak ilmu dan kemahiran dan namanya telah popular sebagai Hero Filem Melayu yang sering mendapat Box Office, pemilik MFP Shaw Brothers telah melantik beliau sebagai pengarah filem Melayu yang kedua selepas Haji Mahadi. Haji Mahadi telah mengarah satu filem "Permata Di Perlembahan" yang dibintangi Nordin Ahmad dan Maria Menado namun filem tersebut kurang mendapat sambutan.

Tanpa mengikuti prosedur lazim menjadi Penolong Pengarah dahulu P.Ramlee terus diberi peluang menjadi Pengarah oleh Shaw Brothers untuk mengarah dan berlakon sebagai hero filem Penarik Beca (Okt 1955), sebuah filem melodrama menyingkap kehidupan seorang anak miskin yang berusaha mencari pendapatan seharian dengan mendapat upah mengayuh beca bagi menampung kehidupan ibu beliau (Sa'amah) yang sakit. Filem ini menonjolkan nilai ikhtiar berusaha mencari rezeki yang halal walaupun pekerjaan yang dilakukan itu agak sukar dan penat. Terdapat tragedi hidup di mana beliau dihina oleh orang kaya kerana beliau orang miskin kelas bawahan mahu bercinta anak orang kaya golongan bangsawan. Tema konflik kelas dan nilai hidup dalam masyarakat memang mendapat sambutan di kalangan orang Melayu pada waktu itu di mana 90% dalam kelompok miskin.

Kejayaan filem pertama ini yang pada ketika itu beliau hanya berumur 27 tahun telah melonjak status P.Ramlee dari seorang pekerja biasa Shaw Brothers yang lazimnya bermula dengan gaji RM 70 sebulan kepada satu kedudukan yang tinggi dan berprestij sebagai pelakon utama yang mendapat gaji RM 400 sebulan. Mengikut Mr Kwek pengurus studio Shaw Brothers gaji P.Ramlee selaku pengarah sekitar RM 600 hingga RM 1000 sebulan dan mendapat bonus RM 20,000 jika filem tersebut dapat disiapkan dalam tempoh dua bulan. Pendapatan gaji pengarah dan pelakon Shaw Brothers dalam Lampiran 2.

Kejayaan filem pertama Penarik Beca meningkatkan kepercayaan Shaw Brothers untuk memberi peluang kedua mengarah dan berlakon filem Semerah Padi (Julai 1956) sebuah filem epik Melayu tradisi yang ketika itu telah melaksanakan Syariah Islam khasnya undang-undang Hudud di mana penzina dihukum sebat. Filem ini agak kontroversi kerana melibatkan tema pelaksanaan Syariah Islam yang agak sensitif di Singapura kerana pernah berlaku rusuhan agama Natrah pada 1950, namun P.Ramlee telah berjaya mengolah dengan teliti (besar kemungkinan dengan mendapat bantuan daripada Majlis Agama Islam Singapura) agar tidak berlaku adegan-adegan yang melanggar atau bercanggah dengan hukum Islam.

Kejayaan filem Semerah Padi yang sebahagian daripada set dirakam di Kota Tinggi Johor memberi keyakinan kepada P.Ramlee untuk mengarah sebuah filem bertema social iaitu Anakku Sazali (Oktober 1956) yang telah mengangkat nama beliau sebagai pengarah hebat dan pelakon terbaik dengan memenangi Best Male Lead Actor di Asian Film Festival Tokyo 1957.

Kejayaan P.Ramlee di peringkat serantau ini dikatakan satu tamparan kepada pengarah-pengarah filem India yang banyak pengalaman, sehingga dikabarkan pihak Shaw Brothers telah menamatkan kontrak beberapa orang mereka. P.Ramlee diangkat menjadi Anak Emas MFP, diberikan bayaran yang lumayan kerana filem yang dia arahkan dan lakon mendapat jualan Box Office yang membawa keuntungan yang besar kepada Shaw Brothers. Mengikut Mr Kwek pengurus studio MFP majikan Shaw Brothers telah arahkan dia memberi segala kemudahan yang P.Ramlee perlukan tidak kira berapa harga peralatan filem tersebut.

Selama 9 tahun sebagai pengarah beliau telah mengarah dan berlakon 16 filem di MFP Jalan Ampas (1955 – 1964). Filem terakhir di MFP Spore ialah Tiga Abdul (April 1964) pada umur 35 tahun. Ini bermakna period P.Ramlee paling produktif dalam dunia perfileman bermula pada umur 29 tahun hingga 35 tahun.

Dari segi sejarah peribadi pada tahun 1950 beliau telah berkahwin dengan Junaidah D. Harris tapi telah bercerai pada 1954 dan jandanya telah pulang ke Jakarta. Beliau mendapat dua orang anak bersama Junaidah iaitu Nasir (1953 -2008) yang tinggal bersama beliau dan Arfan (1954 – 1998) yang tinggal di Jakarta.

Pada tahun 1953 P.Ramlee menang Johan peraduan Bintang Radio Lelaki Radio Malaya Singapura.

Beliau telah menerbit Majalah Bintang tahun 1953 bersama rakan, kemudian 1958 menerbit Gelanggang Filem dengan sahabatnya Sasterawan Negara Abdullah Hussein.

Pada tahun 1955 beliau berkahwin dengan Norizan Mohd Noor janda Sultan Perak. Bercerai 1961 dan berkahwin dengan Salmah Ismail (Saloma) pada 1961 hingga meninggal dunia pada 29 Mei 1973.

Anak tiri P.Ramlee ialah Armali (anak Saloma dengan AR Tompel, 1953 - 2006), Normah dan Abdul Rahman (anak Norizan). Anak angkat beliau ialah Sabarudin, Dian, Sazali, Zakiah dan Betty.

Saloma meninggal dunia pada 25 April 1983, 10 tahun selepas suami beliau meninggal dunia.

P.Ramlee Kembali ke Malaysia

Pada tahun 1964 beliau telah berhijrah ke Studio Merdeka Ulu Klang. Mengarah filem pertama Sitora Harimau Jadian (Nov 1964). Seterusnya beliau mengarah dan berlakon dalam 18 filem dari 1964 hingga 1973. Beliau telah Filem terakhir Laksamana Do Re Mi (1972).

Ramai peminat P.Ramlee kecewa apabila kualiti filem-filem arahan beliau di Merdeka Studio jauh berbeza daripada filem-filem terbitan MFP Jalan Ampas. Banyak faktor atau kekangan yang menyumbang kepada kejatuhan kualiti filem di Merdeka Studio termasuk suasana dan peralatan produksi (software dan hardware) yang terdapat di MFP Singapore tidak terdapat di Merdeka Studio. Ramai pelakon dan pekerja studio Merdeka Studio adalah orang baru kerana ramai pelakon senior tidak ikut P.Ramlee berhijrah.

Janji-janji Shaw Brothers untuk membina studio yang moden dan lengkap di Merdeka Studio juga tidak ditunaikan, sebaliknya mereka telah memindahkan segala peralatan filem ke Hong Kong apabila MFP Jalan Ampas ditutup akibat mogok pekerja. Setelah MFP ditutup Hong Kong muncul sebagai studio

pembikin filem-filem Cina khasnya filem Kung Fu dalam warna mengguna teknologi tinggi.

Namun P.Ramlee tidak putus asa, sebagai seorang seni beliau terus menghasilkan 18 filem hitam putih di Merdeka Studio, walaupun dengan peralatan yang terhad dan pelakon-pelakon yang tidak terkenal. Hasrat beliau menghasilkan filem warna tidak kesampaian.

P.Ramlee meninggal pada 1973 di Hospital KL dalam umur 44 tahun akibat serangan sakit jantung.

Rumusan Pendidikan Mandiri P.Ramlee:

Berbekalkan ilmu dan pengalaman selama 5 tahun (1949 – 1954) P.Ramalee telah berlakon dalam 25 filem sebelum diangkat sebagai pengarah filem. Kemudian beliau mengarah dan berlakon dalam 16 filem lagi di MFP Jalan Ampas Singapura dan 18 filem di Studio Merdeka KL, menjadikan kesemuanya 59 filem yang beliau berlakon dan mengarah 34 buah filem.

Antara filem yang hebat Box Office arahan dan lakonan beliau ialah;

- Anakku Sazali (1956) yang menyentuh isu anak yang dimanjakan (spoil child) hingga menjadi penjenayah,
- Semerah Padi (1956) mengenai pelaksanaan Syariah Islam khasnya hukum Hudud dalam masyarakat tradisi Melayu,
- Sargent Hassan (1958) tentang tragedy perang di mana gerila askar Melayu disusun oleh tentera British menentang Jepun,
- Antara Dua Darjat (1960) mengenai perbezaan kelas masyarakat Melayu,
- Ibu Mertuaku (1962) tentang ibu mertua yang kejam menentang perkahwinan anak dengan insan seni yang dianggap rendah darjat,
- Madu Tiga (1964) tentang warna warni perkahwinan poligami,
- Tiga Abdul (1964) tentang kisah tiga bersaudara yang mewarisi harta yang banyak tapi ditipu bapa mertua mereka.

P.Ramlee juga banyak mengarah dan berlakon filem komedi antaranya;

- Pendekar Bujang Lapok (1959),
- Ali Baba Bujang Lapok dan Seniman Bujang Lapok (1961),
- Labu Labi (1962),
- Nasib Labu Labi (1963),
- Do Re Mi dan Nasib Do Re Mi (1966),
- Laksamana Do Re Mi (1972).

Sumbangan Dalam Bidang Muzik

Selain bidang perfileman dan lakonan P.Ramlee juga banyak menyumbang dalam bidang seni menyanyi dan telah menggubah lebih 250 lagu. Lagu pertama yang digubah dan dinyanyikan beliau ialah Azizah (1948) dan lagu terakhir Air Mata di Kuala Lumpur (1973).

Lagu-lagu P.Ramlee menjadi khazanah budaya Melayu yang menjadi lagu popular ketika menyambut Hari Raya (Selamat Hari Raya, Beduk Berbunyi, Dendang Perantau), menyambut Merdeka (joget Malaysia, keroncong Kuala Lumpur, zapin Malaysia, jasa perwira), majlis perkahwinan (pengantin selamat bersanding, direnjis-renjis, kalau jodoh tak ke mana, itulah sayang).

P.Ramlee juga meneroka lagu-lagu nasyid kerohanian Islam seperti Rukun Islam, Tolong Kami Anak Yatim, Ya Habibi Ali Baba, Manusia Miskin Kaya, Dunia Hanya Pinjaman, Alam Indah Waktu Pagi, Kasih Ibu, Resam Dunia.

Lagu-lagu gubahan dan nyanyian P.Ramlee mempunyai melodi dan lirik amat sesuai dengan jiwa Malayu Nusantara, seperti AnaK Dara Rindu, Gemala Hati, Taman Firdausi, Bunyi Gitar dan banyak lagi. Maka itu tidak hairanlah majoriti lagu-lagu tersebut tergolong dalam kategori Malar Segar (evergreen songs) yang popular sepanjang masa.

Pencapaian Tinggi dalam bidang perfileman –

- Lagu dalam filem **Hang Tuah** menang Best Film Song di Asean Film Festival (AFF) Hong Kong 1956,
- Filem **Anakku Sazali** menang Best Male Lead Actor dan Best Child Actor (Bat Latiff) di AFF Tokyo 1957,
- Filem **Sumpah Orang Minyak** menang best black and white film AFF Hong Kong 1958,
- Filem **Pendekar Bujang Lapok** diangkat Best Comedy dalam AFF KL 1959,
- Filem **Nujum Pak Belalang** menang Best Comedy Film AFF Tokyo 1960.
- Filem **Ibu Mertuaku** menang Best BW film dan P.Ramlee menang Most Versatile Talent (Seniman Paling Berbakat) di AFF Tokyo 1963. Filem ini mendapat Special Mention di World Film Festival Paris.
- Filem **Madu Tiga** menang Best Comedy Film di AFF Taipei 1964

Falsafah Seni P.Ramlee

Dalam satu seminar budaya beliau telah menyampaikan satu kertas yang menekankan keperluan budaya Melayu diajar di sekolah supaya dada anak muda

diisi dengan kesenian Melayu Islam Nusantara agar dada mereka tidak kosong dan mudah terpengaruh dengan budaya asing. Beliau mengambil contoh bagaimana pendidikan agama sejak kecil telah berjaya memenuhi jiwa dan hati anak-anak Melayu sehingga menjadi benteng daripada dipengaruhi agama-agama lain meresap masuk ke dalam jiwa orang Melayu.

Beliau juga menyarankan kerajaan memperkasa seni budaya Melayu supaya mendapat tempat dalam masyarakat dan tidak dipinggirkan hingga pupus ditelan zaman.

Pengiktirafan Negara

P.Ramlee menerima anugerah Ahli Mangku Negara (AMN) pada 1964 dan anugerah Panglima Mangku Negara yang membawa gelaran Tan Sri pada 1982 setelah beliau meninggal dunia.

RTM telah menamakan sebuah auditorium di Angkasapuri sebagai Auditorium P.Ramlee. Arkib Negara Malaysia telah membina dua memorial P.Ramlee di rumah lama beliau di Setapak dan di rumah tempat kelahiran beliau di Caunter Hall Pulau Pinang. Dewan Bandaraya KL telah menamakan sebuah jalan sebagai Jalan P.Ramlee.

LAMPIRAN 1–

Filem-Filem dan Pengarah-pengarah Filem India di Studio Malay Filem Production (MFP) Jalan Ampas Singapura yang mana P.Ramlee belajar seni berlakon, seni perfileman, seni mengarah filem selama 5 tahun (1949 – 1954) sebelum diberi peluang mengarah filem pada 1955.

1949

Pengarah yang menjejak bakat beliau di Penang BS Rajhans beri watak berlakon dalam filem Noor Asmara (April 1949), filem Nasib (Julai 1949), filem Nilam (Sept 1949), filem Racun Dunia (Feb 1950).

1950

P.Ramlee mula berlakon sebagai watak utama (hero) oleh L. Krisnan dalam filem Bakti (April 1950) dan Takdir (Sept 1950). Kemudian berlakon dalam filem Aloha arahan BS Rajhans (Disember 1950),

1951

Filem arahan L. Krisnan filem Penghidupan (Mei 1951), arahan BS Rajhans filem Sejoli (Jun 1951), arahan S. Ramanathan filem Juwita (Okt 1951),

1952

Filem arahan L. Krisnan filem Senyum dan Tangis (Feb 1952), arahan BS Rajhans filem Anjoran Nasib (April 1952), arahan KM Basker filem Patah Hati (Ogos 1952), arahan S. Ramanathan filem Sedarah (Ogos 1952), arahan KM Basker filem Miskin (Nov 1952).

1953

Berlakon filem Putus Harapan arahan BN Rao (Mac 1953), filem Ibu arahan S. Ramanathan (Jun 1953), filem Hujan Panas arahan BN Rao (Ogos 1953), filem Siapa Salah? Arahan BN Rao (November 1953).

1954

Tahun 1954 berlakon dalam filem Panggilan Pulau arahan S Ramanathan (Julai 1954), berlakon 3 filem arahan BN Rao iaitu filem Perjudohan (Julai 1954), filem Merana (Nov 1954), filem Abu Hassan Pencuri (Mei 1955). 1956 beliau berlakon hero dalam filem warna Hang Tuah arahan Phani Majumdar (Jan 1956).

LAMPIRAN 2 –

Gaji Pengarah Filem dan Pelakon di Shaw Brothers pada 1950s;

Pengarah Filem – RM 500 hingga RM 1000, tambahan bonus RM 20,000 bagi setiap filem yang Berjaya disiapkan dalam tempoh dua bulan

Pelakon Filem dan Gaji mereka sebulan;

Pelakon	Gaji	Pelakon	Gaji
P. Ramlee	400	Aziz Satar	150
Neng Yatimah	250	A. Rahim	150
Haji Mahadi	210	Ahmad Mahmud	150
Siti Tajong Perak	200	Mariam	150
Nordin Ahmad	200	Malik Sutan Muda	140
Normadiah	200	Wak Mustarjo	130
Sharif Dol	200	S. Shamsudin	120
Saadiah	100	Rosnani	100
Salleh Kamil	100	Ibrahim Pendek	100
Ahmad C	100	Musalmah	100
Habsah	100	Mariani	100
Rosiah Chik	90	Ali Fiji	90
Omar Suwita	85	Hashimah Yon	85
HM Busra	70	Kemat Hassan	70
Jins Shamsudin	70		

Untuk Perbandingan pada ketika ini gaji guru sekolah lulusan Kirky College RM 300 sebulan, gaji guru sekolah Melayu lulusan SITC RM 200 sebulan dan gaji kakitangan Kerajaan seperti kerani, polis dan askar antara RM 100 – 200 sebulan.